

# **kebun komuniti**

## **Garden 8**

**Kisah Unik di  
Sebalik Sebuah  
Kebun Komuniti  
Bandar Lestari**



# Kandungan



- 02** Latar belakang G8
- 04** Lokasi
- 06** Objektif
- 07** Struktur organisasi
- 08** Konsep pembangunan
- 09** Fasa pembangunan
- 12** Transformasi
- 14** Konsep dan fungsi G8
- 19** Komuniti G8
- 20** Prinsip-prinsip
- 21** Pelan Tindakan Kecemasan
- 22** Manfaat
- 23** Kolaborasi
- 24** Pengiktirafan
- 30** Liputan media & media sosial
- 36** Galeri G8
- 40** Info untuk dihubungi



Ini adalah Garden 8.

# Apa itu Garden 8?

## Garden 8 adalah sebuah kebun komuniti.

Ia merupakan singkatan kepada Kebun Komuniti Garden 8 (KKG8) sebuah kebun kejiranan lestari lorong belakang yang pertama di Malaysia dan mula dibangunkan pada September 2021 di Taman Perwira, Gombak.

Nama "Garden 8" tercipta daripada 8 buah rumah pertama yang bermuafakat memulakan kebun komuniti ini. Ia bermula dengan 1 buah rumah menjadi 8, seterusnya 18, 28, 33 dan terkini 48.

## 8 penduduk pertama yang mencipta Garden 8.



(Gambar dari kiri: Normazwin, Fazillah, Hafidah, Abdul Latiff, Mary, Norsiah, Aida, Iqmal)

# Garden 8 menerapkan transformasi konsep **4P**.

## **Planet**

Pembudayaan gaya hidup lestari – sekuriti & keselamatan makanan, kitar semula, kompos, SPAH & solar.

## **Place**

Transformasi fizikal kawasan lorong belakang rumah kepada kawasan yang lebih berdaya huni, produktif, bermanfaat, ceria, selamat & sihat.

## **People**

Penjanaan pendapatan melalui aktiviti – aktiviti baru berkaitan ekonomi & pelancongan – jualan hasil keluaran komuniti.

## **Productivity**

Transformasi hubungan kejiranan ke arah yang lebih baik & membolehkan kerja berpasukan & membantu kesihatan mental.

**“Jiran Sepakat,  
Bawa Berkat”**



### **Logo Garden8**

Menggambarkan rumah yang melambangkan kejiranan & pokok yang melambangkan kebun komuniti & taman.

### **Tagline ‘Jiran Sepakat Bawa Berkat’**

Merupakan kata hikmat Melayu yang melambangkan semangat & komitmen komuniti untuk hidup sejahtera di dalam suatu kejiranan / masyarakat.

# Lokasi Garden 8

Peta Negeri Selangor



## Alamat:


Garden 8, Jalan Geliga, Taman Perwira, 53100 Gombak Setia, Selangor Darul Ehsan.

# Garden 8 terletak di lorong belakang perumahan di Taman Perwira, Gombak.

Kebun kejiranan lestari Garden 8 dibina di lorong belakang rumah di Taman Perwira yang telah berusia lebih 50 tahun. Garden 8 dibina di antara tiga jalan utama iaitu Jalan Berlian, Jalan Zamrud dan Jalan Geliga di Taman Perwira.

Projek ini telah mendapat kelulusan dan sokongan daripada Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Garden 8 juga merupakan sebuah organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Perumahan di Taman Perwira




Anggaran keluasan terkini Garden 8 adalah sekitar,  
**600m persegi: (200m panjang x 3m lebar).**



# Objektif Garden 8, selari dengan Matlamat Malaysia Madani & Pembangunan Mampan/SDG 2030.

- 1** Mengeratkan hubungan silaturrahim antara jiran tetangga.
- 2** Memanfaatkan ruang lorong belakang rumah yang terbiar.
- 3** Membangunkan mikroekonomi masyarakat setempat.
- 4** Mempromosikan gaya hidup lestari yang lebih prihatin terhadap alam sekitar, kesihatan dan hubungan sosial masyarakat.
- 5** Menyahut seruan kerajaan untuk membangunkan kebun bandar untuk menghasilkan sumber makanan bagi menangani isu keterjaminan makanan serta mencapai target SDG 2030.

# *Struktur Organisasi Garden 8*



Kebun Komuniti Garden 8 (KKG8) akan mengadakan perjumpaan/mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali.

Minit mesyuarat dan perkongsian maklumat perkembangan terkini akan dilakukan secara atas talian melalui Whatsapp.

# Konsep pembangunan



- 1** Perbincangan dengan semua jiran-jiran yang terlibat untuk mencapai kesepakatan bagi membangunkan kebun kejiranan lestari.
- 2** Kos bagi setiap fasa pembangunan adalah sebanyak RM20,000. Secara purata, RM2,000 dibiayai sendiri bagi setiap rumah untuk 10 buah rumah.
- 3** Penjagaan kebun KKG8 adalah secara gotong royong.
- 4** KKG8 direka berpandukan garis panduan pembangunan lorong belakang dan kelulusan MPS.
- 5** Hasil kebun dikongsi bersama atau dijual kepada komuniti setempat.
- 6** KKG8 menerapkan prinsip-prinsip kejiranan dan kelestarian dengan rekabentuk yang asli.

# Fasa-fasa Pembangunan




Kebun Taman J8 (KTJ8) dimulakan pada Mac 2020 sewaktu PKP (pandemik Covid-19) dilaksanakan. KTJ8 telah mendapat tempat kedua (Kategori Individu) bagi Anugerah Kejiranan Hijau 2021. Pada September 2021, KTJ8 dikembangkan ke bahagian belakang rumah dimana melibatkan dua buah rumah yang berkongsi lorong belakang.



Garden 8 telah dibangunkan pada Oktober 2021 yang melibatkan 8 buah rumah di Jalan Berlian dan Jalan Zamrud. Fasa 1 telah dirasmikan oleh Y.A.D Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak pada 13 November 2021.



Dibangunkan pada Februari 2022, fasa ini melibatkan 10 buah rumah menjadikan jumlah keseluruhan rumah yang terlibat adalah sebanyak 18 buah rumah. Fasa 2 telah dirasmikan oleh YDP MPS, Tuan Yazid bin Sairi pada 11 June 2022.



Dibangunkan pada April 2022 melibatkan 10 buah rumah menjadi jumlah keseluruhan rumah yang terlibat adalah sebanyak 28 buah rumah. Fasa 3 dirasmikan oleh YDP MPS, Tuan Yazid bin Sairi pada 11 Jun 2022.



## Fasa 4

Dibangunkan pada Jun 2022 melibatkan 5 buah rumah menjadikan jumlah keseluruhan rumah yang terlibat adalah sebanyak 30 buah rumah. Fasa 4 telah dirasmikan pada 3 September 2022 oleh Yang Berbahagia, Profesor Dr. Ismi Arif Ismail, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Putra Malaysia.



## Fasa 5

Dibangunkan pada Januari 2023 melibatkan 11 buah rumah menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 45 buah rumah.

Dengan selesainya pembangunan fasa 5, seluruh lorong belakang di antara Jalan Berliau dan Jalan Zamrud telah ditransformasikan kepada kebun kejiranan lestari lorong belakang.



Sebelum

Garden 8 yang dahulunya  
merupakan lorong  
belakang terbiar,



Selepas

kini telah menjadi sebuah  
taman lestari yang indah.

# Konsep dan fungsi Garden 8



# Garden 8 dijadikan sebagai sebuah kebun komuniti bandar.

Kami menanam pelbagai jenis sayur-sayuran, buah-buahan, herba tempatan & Inggeris & tanaman bunga.



# ia direka menjadi sebuah **taman rekreasi** yang selamat & pelbagai fungsi,

Laluan penjalan kaki, tanda arah bandar-bandar utama dunia, susunatur yang sistematik, hiasan taman, sistem lampu solar, sudut permainan tradisional, taman sensori.



## dengan sistem penuaian air hujan (SPAH).

SPAH ialah sistem puniaian air hujan yang boleh menampung sebanyak 6,000 liter air hujan melalui penggunaan 32 buah tangki.



# Garden 8 juga mempraktikkan sistem kompos secara aktif,

Sisa kebun dan sisa dapur untuk dijadikan baja..



# amalan kitar semula yang efektif,

Barang kitar semula seperti kertas, tin, plastik dan minyak masak yang telah digunakan.



# **dan transformasi hubungan kejiranann/komuniti yang lebih mesra, peduli & progresif.**

Komuniti melalui 2 fasa transformasi sepanjang projek:

## **Transformasi fizikal**

Kawasan yang tidak produktif (lorong belakang rumah) di kawasan perumahan bandar yang berusia lebih 50 tahun kepada sebuah kawasan yang lebih produktif

## **Transformasi sikap sosial**

Kearah komuniti yang lebih madani, produktif & sejahtera



**COMBI dikenali sebagai  
“Communication for Behavioural Impact” atau  
“Komunikasi untuk Perubahan Tingkahlaku”.**

Ita merupakan satu pendekatan dinamik yang menggunakan strategi mobilisasi sosial dan komunikasi untuk mempengaruhi individu, keluarga dan komuniti ke arah perubahan tingkah laku yang sihat.

COMBI merupakan strategi utama yang digunakan untuk proses transformasi termasuk untuk membanteras kes denggi di kawasan Taman Perwira.

*Komuniti Garden 8  
telah mencapai*

**48**

# **buah rumah.**



Pada tahun 2023, projek kebun komuniti Garden 8 telah berjaya melibatkan keseluruhan 48 buah rumah di kejiraninan Jalan Zamrud, Jalan Berlian dan Jalan Geliga.

# Prinsip kejiranan

Saling menghormati,  
teguh bermuafakat,  
bantu membantu &  
memelihara 3K.


(Keselamatan, Kesejahteraan & Kesihatan)



# & kelestarian

Kebun semula jadi,  
kitar semula 3R,  
tenaga solar, kompos,  
& Sistem Penuaian Air  
Hujan (SPAH).

# Pelan Tindakan Kecemasan & Pelan Operasi IWK



\*Pelan Tindakan Kecemasan adalah sekiranya berlaku kebakaran dan perkhidmatan IWK. Talian kecemasan 999 - Polis, ambulan, pertahanan awam dan bomba.



Alat pemadam api



Laluan keluar kecemasan



Pili bomba



Lori IWK (Indah Water Konsortium)

# Manfaat Garden 8

demi kebaikan komuniti, ekonomi dan alam sekitar.



- 1** Penghasilan makanan yang sihat dan segar dapat mengurangkan kos barang mentah yang semakin tinggi.
- 2** Menjana pendapatan dari jualan hasil tanaman, produk-produk lokal serta sumbangan.
- 3** Hubungan kejiranan yang luar biasa dan membawa ke suasana zaman dahulu, tua muda berbilang bangsa.
- 4** Memupuk minat berkebun dan melestari kehidupan dalam kalangan generasi muda.
- 5** Perubahan kawasan yang terbiar kepada ruang taman yang cantik serta ruang riadah yang selesa.
- 6** Mendorong kepada kesihatan fizikal dan mental yang lebih baik.
- 7** Pelan tindakan kecemasan yang lebih baik dengan adanya laluan pejalan kaki, pintu belakang yang dibuka & alat pemadam api.
- 8** Memberi inspirasi kepada sesiapa sahaja yang berminat dalam mentransformasikan lorong belakang rumah.
- 9** Pengurangan pembuangan sampah dari rumah-rumah.
- 10** Keselamatan dan kesejahteraan yang lebih baik.
- 11** Mendokong agenda negara: Garden 8 - Dasar Kebun Komuniti Bandar, Agenda Nasional Malaysia Sihat, Malaysia Madani dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

# Ikon kolaborasi

## Garden 8



University Community Transformation Centre  
(UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM)



Jabatan  
Pertanian



Majlis Perbandaran  
Selayang



Pejabat Kesihatan  
Daerah



Communication for  
Behavioural Impact (COMBI)



Malaysia Productivity  
Corporation



Agrobank  
Berhad



Badan Kebajikan Taman  
Perwira Setia Indah Gombak

# Pengiktirafan Garden 8

Garden 8  
JALAN SRIKANDI 8  
GARDEN 8  
KELUAR KEBUN KOMUNITI



**Tempat ketiga - Pertandingan Inovasi Perkhidmatan MyCHAMPION COMBI**  
Garden 8 mewakili Selangor di Konvensyen MyCHAMPION @KKM pada 13 Oktober 2023.



**Award for the Best Community Engagement Project**  
A smart engagement partnership approach between  
UPM & Garden 8 community di International  
Conference on Academia-Community Engagement  
2023 pada 29 & 30 Ogos 2023.

# Pengiktirafan Garden 8



**Kebun Komuniti Terbaik MPS 2021/2022**  
Anugerah Kebun Komuniti Terbaik MPS 2021/2022  
pada 29 Januari 2023.



**Silver Award - MIP Planning Excellence Award 2022**  
Placemaking & Public Space (Community Led Initiative Category) pada 16 Januari 2023.

# Pengiktirafan Garden 8



Anugerah Kejiranan Hijau 2022 oleh PLAN Malaysia:  
Anugerah Khas Menteri KPKT pada 8 November 2022.



Anugerah Kejiranan Hijau 2022 oleh PLAN Malaysia:  
Anugerah Khas Menteri KPKT pada 8 November 2022.

# Pengiktirafan Garden 8



Pengiktirafan “Productivity Champion” oleh Malaysia Productivity Corporation pada 12 Ogos 2022.

# Pengiktirafan Garden 8

Garden 8  
Kebun Komuniti Lestari



**Penghargaan dari MPS bagi Inisiatif Pembangunan Kebun Komuniti Mampan dan Terancang pada 11 Jun 2022.**



**Perlantikan sebagai Rakan Kebun Komuniti yang pertama oleh UCTC UPM pada 11 Jun 2022.**



**Tajaan Agrobank RM5,000 untuk Kebun Komuniti Garden 8 Taman Perwira pada 11 Jun 2022.**

# Pengiktirafan Garden 8

Garden 8  
Lestari Kebun



**Anugerah Kejiranran Hijau 2021**  
Tempat Kedua (Kategori Individu) oleh PLAN Malaysia.

# Liputan surat khabar

The image consists of two parts. The top part is a magazine cover for 'Perspektif' (Issue 33) featuring a woman in traditional attire, a building, and text about a tragedy at a mosque. The bottom part is a photograph of a well-maintained garden with various plants and flowers, identified as 'Garden 8' in Taman Perwira Setia Indah.



# Liputan siaran TV



dtv.  
DESTINASI TV

Destinasi TV,  
2024



Wanita Hari Ini, TV3  
2022



Malaysia Hari Ini, TV3  
2022

# Liputan siaran TV



Selamat Pagi Malaysia, RTM  
2022



Borak Kopitiam, TV3  
2021



Segmen Bijak Tani, Buletin TV9  
2021

# Liputan

## media & sosial



Kebun Bandar: Jom Tanam  
Sendiri (Facebook)  
17.2k suka, 4,981 kongsi



Destinasi TV (Youtube)  
157k tonton  
896 suka



Saje Share (Facebook)  
958 suka, 172 kongsi



Wau Post (Instagram)  
192 suka



World of Buzz  
19k suka



Keluarga  
14.4k suka  
1,372 kongsi



Siakap Keli  
9.5k suka  
708 kongsi

# Jemputan khas

## talk & podcast!



Audio Siar Berilmu Berbakti x UCTC & UPM 2024



Podcast Hitam Putih Kehidupan bersama Toksyam 2024




PRODUCTIVITY TALK WITH GARDEN 8

MPC Productivity Talk with Garden8 2023

# Galeri: Garden 8 “Sunday Market”

Diadakan pada setiap hari Ahad terakhir setiap bulan.



**SUNDAY MARKET**  
LAST SUNDAY OF THE MONTH

**Follow Us for more information**

[garden8.malaysia](https://garden8.malaysia)

**2024**



# Galeri: Aktiviti-aktiviti kejiraninan Garden 8



# Galeri: Karnival Garden 2022



# Galeri:

## Lawatan oleh MB Selangor 2022



# Galeri:

## Lawatan dari luar dan orang awam



Dunia yang  
lebih lestari  
dan sejahtera,  
**bermula  
dengan  
Garden 8.**

Menyumbang kepada kami hari ini, untuk masa depan yang lebih baik. Setiap sen akan membantu Garden 8 untuk terus berkembang dan menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.



*DuitNow QR Maybank - Kebun Komuniti Garden 8  
Imbas QR kod melalui aplikasi bank.*

# Jom ikuti Garden 8!

**FB/IG/Tiktok: Garden8.malaysia**  
**Youtube: Garden 8 Malaysia**  
**Emel: Garden8.malaysia@gmail.com**  
**Tel: +60 12-350 3128**

Garden 8 yang berlokasi di Gombak, Selangor telah menjadi sebuah kebun komuniti yang diiktiraf sejak 2020. Dari lorong belakang yang terbiar sejak 50 tahun lalu kini telah ditransformasi menjadi sebuah kebun komuniti yang cantik dan dilengkapi dengan pelbagai fungsi. Dari hasil-hasil tanaman, ruang serbaguna dan taman rekreasi pastinya dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Lawati kami untuk mengetahui lebih lanjut tentang Garden 8 terkini dan mungkin dapat memberi inspirasi kepada anda di luar sana!



*Imbas QR kod untuk Linktree Garden 8.*



**Terima kasih.**

Designed by ruangsuria.com